

Ketepikan perbezaan ideologi

BH 1 MAY, 1993

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri mahu hubungan ekonomi dan interaksi Malaysia-China dipertingkatkan berasaskan latar belakang sejarah politik dan kebudayaan antara kedua-dua negara yang terjalin sejak abad lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun masih ada perbezaan ideologi di antara kedua-dua negara, masing-masing menyetujui perancangan itu kerana menjunjung prinsip mahu hidup bersama secara aman.

Menurutnya, Malaysia dan China tidak mahu mencampuri urusan dalam negeri masing-masing.

"Sepertimana kita tidak berhasrat mengeksport atau mengembangkan ideologi kita ke negara lain, kita yakin negara-negara lain, termasuk China, tidak akan cuba menyebarkan ideologi mereka ke negara kita.

"Malaysia dan China juga tidak mahu mencampuri urusan dalam negeri masing-masing. Parameter ini hendaklah difahami dan dimajukan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di majlis makan Persatuan Persahabatan Malaysia-China, di ibu negara, malam ini.

Menurutnya, penerimaan China terhadap prinsip hidup bersama secara aman adalah penting.

"Pertikaian boleh berlaku antara sahabat yang paling akrab. Tetapi, jika penyelesaian pertikaian berdasarkan prinsip yang dipersetujui, penyelesaian akan menjadi lebih

mudah," katanya.

Sehubungan dengan itu, katanya, Malaysia tidak begitu bimbang mengenai kemungkinan berlakunya pertikaian dengan China kerana prinsip hubungan luar negara yang dipegang oleh China.

Beliau berkata, melalui hubungan dan persefahaman yang semakin baik ketika ini, ia harus diambil kesempatan oleh kedua-dua pihak untuk mempertingkatkan kerjasama di bidang ekonomi dan interaksi.

"Saya percaya kerjasama di antara kedua-dua kerajaan akan lebih erat lagi pada masa depan dengan perkembangan ekonomi kedua-dua negara. Pada masa yang sama, perhubungan antara rakyat kedua-dua negara akan turut meningkat.

"Sama ada melalui tajaan kerajaan atau swasta, program pertukaran lawatan akan membawa faedah kepada kedua-dua pihak," katanya.

Menurutnya, melalui program itu, badan swasta di Malaysia sudah menjemput rombongan dari China untuk mempelajari pasaran dan sistem bandaraya kita.

Pada masa yang sama, Malaysia pula akan mendapat faedah daripada perkembangan saintifik dan teknologi China termasuk di bidang perubatan herba tradisional.

Dr Mahathir berkata, pertubuhan bukan kerajaan seperti Persatuan Persahabatan Malaysia-China boleh menyediakan forum bagi individu di Malaysia yang berminat dengan China, untuk bertemu.

Menurutnya, persatuan

yang serupa boleh wujudkan di China bagi tujuan yang sama. "Perhubungan dan interaksi antara kedua-dua persatuan ini akan memberi peluang kepada peniaga dari kedua-dua negara untuk berjumpa.

"Sebagai badan bukan kerajaan, persatuan ini berkedudukan baik mengambil apa-apa inisiatif tanpa membabitkan kedua-dua kerajaan. Ini tidak akan terhalang oleh kerenah birokrasi atau formaliti. Suasana ini sesuai bagi perdagangan," katanya.

Perdana Menteri berkata, persatuan juga boleh menyediakan maklumat mengenai negara China dalam usaha mempertingkatkan pengetahuan rakyat Malaysia mengenai segala perkara membabitkan orang China, termasuk kebudayaan dan cara hidup.

Maklumat seperti itu, kata Dr Mahathir, bukan saja dapat meningkatkan persahabatan dan persefahaman malah memudahkannya urusan perniagaan serta perdagangan.

Mengenai penduduk Malaysia keturunan Cina, Perdana Menteri berkata: "Asal-usul keturunan mereka mungkin berbeza tetapi mereka adalah rakyat Malaysia.

"Sepertimana asal-usul mereka tidak harus memisahkan mereka, asal-usul mereka juga tidak harus menjadi asas utama dalam perhubungan mereka dengan negara-negara lain".

Beliau berkata, kaum-kaum di negara ini telah hidup, jika tidak secara harmonis sepenuhnya, sekurang-kurangnya dalam aman damai.